

27 MAY 1996

Yong-sumpah

YONG ANGKAT SUMPAAH SEBAGAI KETUA MENTERI BARU ESOK

KOTA KINABALU, 27 Mei (Bernama) -- Datuk Yong Teck Lee akan mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru di hadapan Yang Dipertua Negeri, Tan Sri Sakaran Dandai, pada pukul 10 pagi di Istana di sini esok.

Menurut Setiausaha Sulit Yang Dipertua Negeri, Haji Harith Haji Yahya, hanya Yong akan mengangkat sumpah, mengambil alih jawatan dari Datuk Salleh Said Keruak.

"Terpulang kepada Ketua Menteri yang baru untuk memutus dan menasihati kami bila jemaah kabinetnya akan mengangkat sumpah," katanya kepada pembrita di Istana.

Katanya Istana menerima surat perletakan jawatan Salleh pada pukul 1 tengah hari ini, yang berkuatkuasa esok.

Salleh telah mengemukakan surat perletakan jawatan tanpa bertarikh kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini untuk membuka jalan kepada Ketua Menteri baru, yang akan dilantik mengikut pelaksanaan sistem penggiliran yang dijanjikan BN menjelang pilihan raya negeri pada 1994.

Dr Mahathir berjanji sekiranya BN memenangi pilihan raya itu, jawatan Ketua Menteri akan digilir antara tiga masyarakat utama -- Bumiputera Muslim, Bumiputera bukan Muslim dan Cina -- bagi setiap dua tahun.

BN gagal merampas kuasa dari Parti Bersatu Sabah (PBS) pada pemilihan Februari itu dengan memenangi 23 daripada 48 kerusi negeri.

Bagaimanapun Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan terpaksa menyerahkan jawatannya apabila beberapa anggota Dewan Undangan Negeri PBS melompat untuk menyertai parti-parti komponen BN atau membentuk parti-parti baru yang kemudian menyertai BN.

Sakaran, yang ketika itu pengerusi BN negeri, dilantik sebagai Ketua Menteri baru tetapi menyerahkan jawatan itu kepada Salleh selepas beliau bersara dan dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri.

Penggal Salleh berakhir pada 17 Mach tahun ini tetapi ditangguhkan sehingga lima undang-undang negeri dipinda bertujuan untuk menghadkan kuasa Ketua Menteri diluluskan Dewan Undangan Negeri yang dijadualkan bersidang pada 25 dan 26 April lepas.

Bagaimanapun persidangan dewan terpaksa ditangguh kepada 17 dan 18 Jun berikutan kebanyakan anggota dewan BN mahu lebih banyak masa untuk mengkaji rang undang-undang pindaan itu yang antara lain bercadang memindahkan kuasa untuk meluluskan perkara-perkara berkaitan tanah, perhutanan dan perlombongan dari Ketua Menteri kepada kabinet negeri.

Sementara itu, Salleh mengunjung hormat Sakaran di Istana petang ini. Beliau berada di Istana dari 2.40 petang hingga kira-kira 4 petang.

Semasa brcakap kepada pemberita selepas itu, Salleh berkata beliau memberitahu Sakaran yang dia akan mengosongkan jawatan itu esok dan mengucapkan terima kasih atas sokongan Sakaran semasa beliau menjadi Ketua Menteri.

Katanya beliau akan menyerahkan segala tugas kepada Yong sebaik sahaja selepas upacara angkat sumpah pada 11.30 pagi di pejabat Ketua Menteri di bangunan Yayasan Sabah di Likas di sini.

-- BERNAMA

KG OPP AHH